



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: [http: www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

KP(BS-Dsr)/201/002/1(7)
27 November 2008

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.6/2008
PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM BUMI HIJAU SEKOLAH

Program Bumi Hijau telah dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri dan Jemaah Menteri telah memberi persetujuan supaya langkah perlu diambil oleh kerajaan untuk menyedarkan rakyat bahawa sektor pertanian mempunyai potensi yang besar dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Tabiat bercucuk tanam ini diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh rakyat bagi mengurangkan kos perbelanjaan harian.

2. Usaha yang sedang diambil oleh kerajaan ini perlu disokong melalui bidang pendidikan sebagai langkah jangka panjang melahirkan masyarakat yang suka kepada kegiatan pertanian. Melalui bidang ini, secara beransur-ansur akan menghasilkan generasi yang mempunyai pengetahuan asas mengenai pertanian dan berminat untuk melibatkan diri dalam kegiatan tersebut sama ada untuk tujuan kegunaan sendiri mahupun untuk menceburkan diri sebagai usahawan dalam bidang berkaitan. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan kegiatan kokurikulum.

3. Kerjasama daripada Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk memaklum serta mengedarkan "Panduan Pengurusan Dan Pelaksanaan Program Bumi Hijau Sekolah" ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

DATO' HAJI ALI MUDDIN BIN MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k
1. YB Dato' Seri Hishammuddin b. Tu Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Dato' Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dato' Haji Razali Ismail
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian
Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua Jemaah Nazir Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia

PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM BUMI HIJAU SEKOLAH

LATAR BELAKANG

1. Kempen Bumi Hijau telah diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussin. Kempen ini telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri, di peringkat kebangsaan pada 3 Mac 2006. Setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2005, Program Bumi Hijau Sekolah dilancar oleh YABhg. Datin Seri Jeanne Abdullah pada 29 Oktober 2008 di SMK Bandar Baru Sg. Long, Hulu Langat, Selangor.
2. Apabila krisis bahan api dan makanan melanda dunia pada tahun ini, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyemarakkan semangat bercucuk tanam di negara ini. Perdana Menteri melancarkan Program Bumi Hijau (amalan bercucuk tanam) di peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 29 Jun 2008 dengan harapan ianya dimanfaatkan oleh rakyat bagi mengurangkan kos perbelanjaan harian.
3. Matlamat utama program ini ialah untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi mengeluarkan sendiri bahan makanan harian seperti sayur-sayuran, ulam-ulaman dan buah-buahan. Ia juga diharapkan dapat mewujudkan kesedaran terhadap makanan segar, berkhasiat dan selamat dimakan disamping persekitaran perumahan yang cantik dan menarik, terutamanya dalam kalangan penduduk taman perumahan di bandar.
4. Program Bumi Hijau terdiri daripada 3 komponen iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur. Di Putrajaya, pelaksanaan konsep komponen tanaman dan akuakultur telah diterapkan. Program ini menggalakkan amalan bercucuk tanam tanaman makanan berkonsepkan laman dapur (*edible landscape*), menanam tanaman bersesuaian dengan ruang sedia ada dan memenuhi keperluan keluarga. Ia menekankan konsep pengeluaran makanan untuk kegunaan sendiri sahaja.
5. Program ini ditujukan kepada semua rakyat dengan sasaran utama adalah penduduk taman perumahan, penghuni rumah pangsa dan murid-murid sekolah. Anak-anak pokok boleh ditanam di dalam bekas mudah alih seperti pasu, polibeg dan seumpamanya atau di atas tanah. Jenis tanaman yang dipilih terdiri daripada sayur-sayuran, daun dan buah, herba dan ulam-ulaman yang boleh dituai secara berterusan.
6. Sehubungan dengan ini, Menteri Pelajaran telah menyatakan hasratnya untuk melihat Program Bumi Hijau dilaksanakan di sekolah sebagai sokongan menggalakkan kegiatan pertanian selari dengan usaha yang sedang diambil oleh kerajaan.

7. Pihak Kementerian Pertanian telah menyatakan kesediaan memberikan kerjasama dalam bentuk nasihat, bantuan kepakaran dan teknikal serta berbangga atas inisiatif para pemimpin yang bersungguh menghidupkan semula program ini kerana mulai sedar bahawa melalui bidang pertanian juga, kita mampu menjana generasi yang berdaya kreatif dan berinovasi.

STRATEGI PELAKSANAAN

8. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk;

- 8.1 mencetus dan memupuk minat murid dalam bidang pertanian;
- 8.2 meningkat pengetahuan dan kemahiran;
- 8.3 mendedahkan murid terhadap bidang perniagaan dan keusahawanan; dan
- 8.4 mengeratkan jalinan kerjasama antara murid, guru dan komuniti.

Memperkasakan Kegiatan Pertanian di Sekolah

9. Bersesuaian dengan ini Program Bumi Hijau ini boleh diperluaskan ke sekolah-sekolah melalui pendekatan kurikulum, iaitu p & p mata pelajaran yang berkaitan langsung dengan pertanian seperti Sains Pertanian, Kemahiran Hidup (elektif pertanian) dan Mata Pelajaran Vokasional (elektif pertanian). Mata pelajaran lain yang boleh dihubungkan dengan pertanian termasuklah mata pelajaran Geografi dan Sains. Pengajaran mata pelajaran ini dicadangkan supaya diperluaskan dengan penganjuran aktiviti di luar bilik darjah sebagai elemen pengayaan dan pengukuhan p & p.

10. Sekolah hendaklah juga menganjurkan aktiviti pertanian dalam persatuan sedia ada. Disamping menggiat dan menjayakan kegiatan pertanian, pendekatan ini juga akan mengelak sekolah dari menambah jumlah persatuan sedia ada. Ini juga akan mengelak keperluan melantik guru untuk membimbing kegiatan tambahan. Persatuan sedia ada di sekolah seperti Kelab Kemahiran Hidup, Persatuan Sains, Persatuan Geografi, Kelab Pencinta Alam, Koperasi Sekolah, Kelab Usahawan Muda dan sebagainya boleh melaksanakan aktiviti pertanian.

11. Sekolah boleh menganjurkan projek-projek khas seperti mengadakan kebun sayuran dan buah-buahan, menternak ayam dan pemeliharaan ikan dalam kolam. Sekolah juga boleh memilih merubah konsep *landscape* hiasan sedia ada, kepada konsep *edible landscape* seperti, penanaman sayur-sayuran bagi mengganti batas bunga atau pokok-pokok renek hiasan. Kegiatan ini kemudiannya boleh diperluaskan supaya menjadi kegiatan usahawan. Ini akan menjadikan aktiviti tersebut menjadi lebih bermakna dan menarik dengan memperlihatkan potensi ekonominya kepada murid-murid.

12. Sebagai penggalakkan dan kemuncak kepada aktiviti ini pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan agensi penaja boleh menganjurkan pertandingan atau memberi Anugerah berasas kegiatan Program Bumi Hijau Sekolah sebagai insentif dan mewujudkan saingan yang sihat.

13. Kegiatan ini juga boleh diiktiraf dan taksirkan sebagai dasar markah 10% kegiatan kokurikulum untuk pertimbangan kemasukkan ke IPTA. Ia juga boleh dilaksanakan sebagai merit bagi pemilihan ke Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional.

Penubuhan Jawatankuasa di Sekolah

14. Bagi memastikan program dapat dilaksanakan secara berfokus dan berterusan, maka dicadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa secara khusus. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merancang dan memantau pelaksanaan program melalui pendekatan p & p mata pelajaran dan kegiatan kokurikulum. Untuk itu jawatankuasa ini perlu melibatkan semua pihak yang berkaitan, seperti guru mata pelajaran, pentadbir sekolah dan PIBG.

15. Struktur Jawatankuasa dicadangkan seperti berikut:

Pengerusi	- Pengetua / Guru Besar
Timbalan Pengerusi	- Penolong Kanan
Naib Pengerusi	- Ketua Bidang / Ketua Panitia (mata pelajaran yang berkaitan)
Setiausaha	- Penolong Kanan Kokurikulum
Ahli-ahli	- Guru-guru (mata pelajaran berkaitan) - Guru-guru Penasihat Persatuan (berkaitan) - PIBG

Aplikasi Komponen Kegiatan Pertanian di Sekolah

16. Pelaksanaan program Bumi Hijau di sekolah menerapkan 3 komponen utama pertanian iaitu, tanaman, ternakan (tertutup dan dalam kurungan) dan akuakultur. Bagi komponen tanaman, pelajar-pelajar digalakkan menanam sayur-sayuran daun dan berbuah, ulam-ulaman, herba, rempah ratus dan buah-buahan seperti betik dan pisang. Komponen ini tidak hanya terikat kepada kaedah tanaman konvensional (atas tanah) tetapi ia juga boleh dilaksanakan melalui kaedah hidroponik atau fertigasi yang boleh dituai hasilnya secara berterusan berdasarkan kemampuan, masa dan kesesuaian ruang.

17. Komponen akuakultur melibatkan pemeliharaan ikan dalam kanvas seperti haruan, puyu, tilapia dan keli. Manakala kaedah penternakan yang sesuai ialah ternakan burung puyuh dan arnab. Bagi sekolah-sekolah yang berkemampuan dari aspek kemahiran dan ruang, penglibatan dalam penanaman tanaman yang bersifat komersial seperti buah naga, rossel, cendawan, limau, penternakan ayam dan itik boleh dianjurkan.

Mempertingkatkan Keperluan Asas

18. Dalam melaksana Program Bumi Hijau, kepelbagaian kaedah tanaman disarankan bagi mewujudkan suasana sekolah yang lebih menarik. Justeru itu amalan bercucuk tanam yang berkonsepkan laman dapur dicadangkan. Penerapan konsep ini dapat memperlihatkan kesepaduan laman yang menarik hasil dari penggabungan akuakultur dan tanaman hiasan dengan tumbuhan yang boleh dimakan. Selain itu, ia juga dapat mengatasi masalah kekurangan kawasan dengan melakukan sedikit pengubahsuaian landskap sedia ada. Antara kaedah lain yang dicadangkan ialah, kaedah konvensional (tanah), hidroponik, aeroponik, fertigasi, polibag, pasu / takungan, semen fero dan bahan terbuang seperti bekas plastik dan tayar terpakai. Bahan dan peralatan asas yang diperlukan ialah tanah loam, biji benih, baja, racun serangga dan rumpai, dan peralatan pertanian asas.

Perkongsian Pintar

19. Bagi menggerak dan memulakan Program Bumi Hijau, kerjasama dan sokongan dari agensi terlibat amat diharapkan. Justeru itu Kementerian, menerusi Jabatan Pelajaran Negeri harus menjalinkan kerjasama dengan agensi terlibat dari aspek bantuan teknikal, benih, sokongan dan khidmat nasihat. Antara agensi terlibat ialah Kementerian Pertanian (Jabatan Pertanian, LPP, FAMA, MARDI, Maju Ikan dan Veterinar, manakala lain-lain agensi ialah RISDA, FELDA, FELCRA, FRIM, IPT dan Pihak Berkuasa Tempatan

Penubuhan Jawatankuasa

20. Penubuhan Jawatankuasa diperlukan bagi memastikan Program Bumi Hijau dapat dijalankan secara berterusan. Jawatankuasa untuk tujuan ini perlu ditubuhkan di pelbagai peringkat dan melibatkan pelbagai agensi dari peringkat pusat (kebangsaan) sehingga ke peringkat daerah. Dicadangkan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendaklah berperanan sebagai *leading agency* di setiap peringkat pengurusan, manakala Kementerian Pelajaran dan pihak-pihak lain adalah sebagai agensi penyokong dan pelaksana. Gabungan semua agensi yang berkaitan dengan aktiviti pertanian ini hendaklah digemblingkan secara bijak dari aspek pemikiran, tenaga, kewangan dan kemudahan bagi urusan-urusan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Struktur jawatankuasa adalah seperti di Lampiran A, B dan C.

Sumber Kewangan

21. Program boleh dilaksanakan dengan menggunakan sumber-sumber kewangan seperti peruntukan kokurikulum di sekolah, PCG mata pelajaran, sumbangan PIBG dan sumbangan agensi luar

Lampiran A

Jawatankuasa Kebangsaan Program Bumi Hijau Sekolah

PENAUNG	:	Menteri Pelajaran Malaysia
PENASIHAT	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
PENGERUSI	:	Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
TIMBALAN PENGERUSI	:	Pengarah Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum
SETIAUSAHA	:	Ketua Penolong Pengarah Kokurikulum Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum
PENOLONG SETIAUSAHA	:	Ketua Unit Kokurikulum Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum
EX OFFICIO	:	Wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
AHLI	:	Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
	:	Pengarah Bahagian Sekolah Asrama Penuh dan Kluster
	:	Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
	:	Pengarah Bahagian Sekolah Teknik dan Vokasional
	:	Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
	:	Pengarah Bahagian Pendidikan Guru
	:	Ketua Nazir Sekolah

Lampiran B

**Jawatankuasa Jabatan Pelajaran Negeri
Program Bumi Hijau Sekolah**

PENAUNG	:	Menteri Pelajaran Malaysia
PENASIHAT	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
	:	Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
PENGERUSI	:	Pengarah Pelajaran Negeri
TIMBALAN PENGERUSI	:	Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
NAIB PENGERUSI	:	Ketua Sektor-Sektor JPN
SETIAUSAHA	:	Ketua Unit Kokurikulum
PENOLONG SETIAUSAHA	:	Penyelia Unit Kokurikulum (Persatuan)
EX OFFICIO	:	Wakil Jabatan Pertanian Negeri
AHLI	:	Pegawai Pelajaran Daerah-Daerah Pegawai Pelajaran Zon-Zon Pengerusi MGB Pengerusi PKPSM